

# BULETIN INFO FELDA

Edisi Januari 2020  
Bil 01/JANUARI/2020/UKK



## AMANAT YB MENTERI HAL EHWAL EKONOMI BERSAMA WARGA KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

**1** menggilap tekad dan azam untuk menangani cabaran baharu 2020 dan bersiap siaga untuk memasuki dekad yang baharu dan mendepani keadaan dunia yang baharu serta senario global yg tidak menentu.

**2** Kita tidak boleh mengharungi tahun 2020 dengan sikap dan budaya kerja "business as usual". Kita hendaklah bertindak secara progresif, dan mempercepatkan budaya inovasi, demi mencapai matlamat bersama.

**3** Hendaklah mempunyai wawasan yang lebih meluas, perspektif yang lebih besar dan elemen kreativiti dalam menangani cabaran semasa.

**4** Indikator ekonomi menggambarkan sentimen perniagaan dan keyakinan pelabur terjejas akibat persekitaran global dan cabaran domestik. Kadar pengangguran masih kekal 3.3%, namun graduan-graduan baru semakin sukar untuk mendapat pekerjaan. Pasaran buruh juga semakin mencabar apabila beberapa syarikat mengumumkan langkah *downsizing*. Syarikat dan industri pembuatan juga mengalami kos operasi yang semakin tinggi, termasuk *disruption by digital and technological advancements*.

**6** Matlamat utama WKB 2030 dalam menangani masalah agihan kekayaan dan pendapatan, membangunkan Malaysia sebagai pusat ekonomi Asia dan menyusun semula negara agar menjadi lebih progresif, berasaskan ilmu pengetahuan, dan masyarakat yang lebih dihargai.

**7** menekankan aspek ekonomi pertanian yang baharu bagi mencipta peluang pekerjaan untuk generasi muda luar bandar dan meredakan tekanan untuk berhijrah mencari pekerjaan di bandar, bertepatan dengan pelan tindakan kerajaan dalam menangani kekurangan perumahan untuk generasi baru FELDA.

**5** RMKe-12 merangka penyuntikan idea-idea yang baharu, lebih inovatif, progresif dan teras strategik yang lebih baik. WKB 2030 akan menjadi titik permulaan bagi perlaksanaan sepenuhnya RMKe-12. RMKe-12 akan menterjemahkan WKB 2030 dari sebuah wawasan kepada perlaksanaan konkret dan matlamat yang boleh dinilai, menerusi measurable objectives.

**9** Memberi perhatian khusus kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) kerana ia mewakili 98.5% daripada jumlah syarikat yang beroperasi di Malaysia.

**10** Mesti mewujudkan ekosistem perniagaan yang kondusif seperti kemudahan pembiayaan, kepakaran bidang teknikal, pembangunan hal ehwal sosial dan bantuan pendigitalan operasi.

**8** Memperkasakan pertanian pintar, pemerkasaan industri halal, jaminan bekalan makanan (food security) pembangunan wilayah dan aplikasi teknologi Revolusi Perindustrian Ke-4.

**11** menyasarkan pengangguran sifar melalui inisiatif latihan kemahiran, TVET dan keusahawanan, penciptaan industri baharu dan idea baharu yang dipatenkan dan dikomersialkan untuk menghasilkan proses dan produk baru dalam perindustrian negara.



# TITIPAN TAHUN BAHARU 2020 PENGERUSI FEDA

**Bhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke Salleh, Pengurus FELDA**, menekankan kebertanggungjawaban membangunkan semula FELDA adalah bergantung kepada kerjasama dan penglibatan dari pelbagai pihak termasuk dari kerajaan, kementerian, pengurusan serta seluruh warga FELDA. Oleh itu, kita hendaklah mengenepikan kepentingan sendiri demi mengangkat kepentingan organisasi.

Tahun 2020 memerlukan kita semua untuk bekerja dengan lebih kuat. Ini kerana Kertas Putih bakal memasuki ulang tahun pertamanya pada April ini dan masih banyak kerja-kerja yang perlu dilaksanakan. Untuk makluman semua, kebanyakannya inisiatif yang digariskan dalam Kertas Putih masih tertangguh atas kesilapan kita sendiri kerana tidak memberi fokus sepenuhnya. Usahlah kita mempunyai perasaan malu untuk mengaku kekurangan diri kerana warga peneroka dan kerajaan meletakkan harapan dan keyakinan yang tinggi untuk melihat FELDA kembali ke zaman kegemilangannya.

## PROGRAM “LUPA YANG DIINGATKAN”

### Pengisian :

Hasil kerjasama dari Unit Pembangunan Peneroka, Jabatan Pembangunan Peneroka dan Komuniti serta Pejabat Pengarah Besar, idea bagi melaksanakan program ini telah tercetus bagi memfokuskan tanggungjawab peneroka dalam melunaskan bayaran hutang. Ini adalah selaras dengan salah satu inisiatif organisasi bagi memperkuatkan kedudukan aliran tunai FELDA semula demi menjamin kesejahteraan peneroka.

### Objektif :

- Mengeratkan silaturrahim antara peneroka dan petugas FELDA.
- Mewujudkan kesedaran dan tanggungjawab peneroka bagi meningkatkan nilai sahsiah dan kerohanian diri.
- Memberi kefahaman kepada peneroka tentang status kewangan dan pinjaman peneroka.
- Memastikan pinjaman peneroka dapat dikutip mengikut jadual.

- Kewajipan dan tanggungjawab sebagai peneroka iaitu :
  - Hubungan dengan Allah
  - Hubungan dengan manusia
- Tanggungjawab anak-anak merupakan amanah Allah menerusi :
  - amalan sedekah jariah
  - ilmu yang bermanfaat
  - doa anak yang soleh
- Peranan anak-anak sebagai :
  - pentadbir
  - pengganti
  - peneroka
- Perkongsian kisah Nabi SAW sebagai *Role Model* berkenaan isu berhutang
- Amalan doa bagi melunaskan hutang serta hadis yang berkaitan.

**CUKUPLAH  
Allah sebagai penolong kami,  
dan dia sebaik-baik  
PENGURUS**



| Surah Ali-Imran, ayat 173 |

# MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL LADANG GRED AGRONOMI A 2019

#ladangAbukanretorik



Majlis ini telah berlangsung pada 20 Januari 2020 disempurnakan oleh YBhg. Dato' Othman Haji Omar, Pengarah Besar FELDA, telah hadir Encik Md Salleh Bin Awang, Ketua Pegawai Eksekutif FTPSB, dan Encik Romzi Ishak, Ketua Pegawai Eksekutif FGV Agri Services Sdn Bhd (FGVAS). FELDA telah menerima khidmat nasihat daripada FGV Agri Services Sdn Bhd (FGVAS) dan khidmat pengurusan ladang oleh Felda Technoplant Sdn Bhd (FTPSB).

Pada tahun 2019, sebanyak 295 ladang FELDA dan 202 FTPSB telah dilawati. Ia melibatkan 5.37% daripada jumlah kluasan keseluruhan serta 4.58% daripada jumlah peneroka keseluruhan. Lawatan ini melibatkan agronomis dari Jabatan Khidmat Nasihat Agronomi dan Agronomis FGV R&D Sdn Bhd sebagai pengukuhan kepada amalan pertanian baik (GAP) melalui 7 skop pemerhatian seperti hasil, kesuburan pokok, pembajaan, amalan pemuliharan kelemban (APK), kawalan rumpai, sanitasi ladang dan pengurusan kanopi dan kawalan penyakit dan perosak.

Selain itu, FELDA juga telah membuat inisiatif penubuhan *Total Quality Management* (TQM) di bawah Unit Teknikal dan Inovasi di Jabatan Perladangan. Unit ini akan memberi fokus dalam Peningkatan Hasil Ladang dan Pengurusan Produktiviti yang lebih efisen. TQM ini dipecahkan kepada beberapa fasa dimana peringkat awal ini akan memberi tumpuan kepada 8 ladang utama yang bermasalah.

Fasa seterusnya, akan diikuti dengan memberi tumpuan kepada *Proof of Concept* (POC), di mana kita dapat mengaplikasikan kaedah yang terbaik kepada rancangan yang terlibat. Sekiranya POC ini telah berjaya, konsep ini akan diperluaskan untuk diimplementasikan ke rancangan-rancangan yang lain.

Manakala, Garis Panduan Bagi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) atau Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) atau Koperasi Rancangan Dalam Urusan Bayaran Tunai Hasil Buah Tandan Segar (BTS) dan Kutipan Hutang Di Rancangan FELDA Bil 01/2020 telah diluluskan dan dikuatkuasakan mulai 13 Januari 2020. Ia adalah tatacara menguruskan sebilangan peneroka yang mengurus kebun sendiri yang menghantar hasil kepada pembeli BTS yang tidak diiktiraf atau yang bercanggah dengan peruntukan MPOB. Sebarang pertanyaan boleh dimajukan kepada Puan Intan Suhana dari Jabatan Perladangan di talian 03 2191 2274 atau telefon bimbit di 012 341 0304.

Sehubungan itu, sasaran FELDA pada Tahun 2020 seperti berikut :

- a. KPI peningkatan hasil sawit sebanyak 1 tan/hektar manakala KPI peningkatan hasil getah sebanyak 100kg/hektar setahun dalam tempoh 3 tahun;
- b. mencapai OER sebanyak 21%;
- c. mengurangkan kos operasi sebanyak 10% dalam tempoh 3 tahun; serta
- d. mencapai gred agronomi 100% di keseluruhan ladang.



# RAHSIA KEJAYAAN ANUGERAH HASIL GETAH TERTINGGI BAGI BULAN NOVEMBER DAN DISEMBER 2019 WILAYAH ALOR SETAR

## NOVEMBER 2019

Kategori Lot Peneroka  
**Felda Bukit Tembaga - 218.85 kg/ha)**

Kategori Lot FELDA  
**Felda Chuping 02 - 189.14 (kg/ha)**

## DISEMBER 2019

Kategori Lot Peneroka  
**Felda Teloi Timur - 261 (kg/ha)**

Kategori Lot FELDA  
**Felda Rimba Mas - 199.02 (kg/ha)**

**Ulasan daripada  
Encik Encik Izham Ramli,  
Penolong Pengurus Besar  
Wilayah Alor Setar**

**Ulasan daripada  
Encik Abdullah Pirus Ishak,  
Pengurus Besar  
Wilayah Alor Setar**

### FELDA BUKIT TEMBAGA

1. Amalan GAP
2. Mengadakan penguatkuasaan bersama Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi membanteras ketirisan hasil; Menggunakan penghantaran hasil getah melalui sistem bakul ke Pusat Mengumpul Getah (PMG)
3. Memberi pengetahuan sebagai kesedaran kepada AJK PMG untuk menentukan peraturan dan kualiti hasil getah.

### FELDA CHUPING 02

1. Menggunakan sistem S2D2
2. Mengadakan rondaan ke setiap lot torehan dan rollcall bersama buruh penoreh
3. Pembajaan pada bulan Mac hingga Jun dan dilakukan sebanyak 2 pusingan setahun.
4. morning talk bersama pengurus dan petugas

### FELDA TELOI TIMUR

1. Amalan pertanian baik (GAP)
2. Implementasi sistem S2D2
3. Melantik ejen di kalangan peneroka yang boleh membantu mencari tenaga kerja
4. Menghantar hasil getah melalui sistem bakul ke Pusat Mengumpul Getah (PMG)
5. Memberi pengetahuan sebagai kesedaran kepada AJK PMG untuk menentukan peraturan dan kualiti hasil getah
6. Mengatasi masalah isu penyelewengan hasil

### FELDA RIMBA MAS

1. Memastikan taburan baja dilakukan mengikut jadual
2. Menggunakan penggalak susu mengikut kesesuaian tahap umur pokok
3. *Morning talk*
4. Mengadakan lawatan ladang yang berkala
5. Menggalakkan pemborong memberi insentif kepada pekerja
6. Mengeluarkan surat amaran kepada pemborong yang gagal mengikuti kadar panel torehan sepatutnya
7. Merekod secara harian hasil menoreh dan membuat perbandingan gram/pokok/torehan (GTT)
8. Melaksanakan kerjasama dengan pihak agensi luar (RISDA & LGM)
9. Penghantaran hasil getah melalui sistem bakul ke Pusat Mengumpul Getah (PMG)

## INFO PG BF

### MAJLIS SERAHAN KUNCI PGBF SUNGAI SIBOL (WILAYAH JOHOR BAHRU)

- 10 Januari 2020
- Disempurnakan YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali Menteri, Hal Ehwal Ekonomi dan turut dihadiri YAB Dato' Dr. Sahruddin bin Jamal, Menteri Besar Johor dan Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke Salleh, Pengerusi FELDA.
- Jumlah keseluruhan 360 unit rumah.
- Serahan pertama (311 unit rumah = 163 generasi baharu dari Felda Sg. Sibol + 148 generasi baharu dari Felda Penggeli Timur).